



Yayasan Waqaf Malaysia

## SIARAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

---

### YAYASAN WAQAF MALAYSIA ANJUR MAJLIS APRESIASI PELAN INDUK WAKAF NASIONAL

**Putrajaya, 5 April 2023** – Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah menganjurkan Majlis Apresiasi Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) pada hari ini sebagai tanda penghargaan dan apresiasi kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan PIWN. YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) menerusi ucapannya berkata, melalui Pembentangan Belanjawan 2021, Kerajaan telah meletakkan pemerkasaan pengurusan wakaf sebagai agenda nasional dan PIWN adalah salah satu inisiatif yang digerakkan oleh YWM dalam membantu merealisasikan agenda ini.

Seramai 125 orang yang terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu, Fasilitator, Pakar Rujuk, Panel Penulis, Ahli-ahli Persidangan Meja Bulat dan urusetia penyediaan PIWN telah diraikan dalam majlis ini. Pelaksanaan PIWN ini yang telah bermula pada awal 2021 dan kini dalam fasa akhir penyediaan, dilihat penting dalam bertindak sebagai rangka kerja untuk panduan dan menggerakkan semua pihak berkepentingan, termasuk agensi Kerajaan, swasta serta masyarakat dalam pengurusan dan pentadbiran wakaf.

Melalui inisiatif Wakaf Madani yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri menerusi Belanjawan 2023, PIWN akan dijadikan sebagai panduan dan pemudahcara dalam pelaksanaan Wakaf Madani di mana tahap pengurusan aset wakaf yang lebih cekap dan mobilisasi wakaf akan dimaksimumkan pada masa akan datang, ujar YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tambahnya lagi, wakaf mempunyai potensi yang amat besar dan jika digembleng dengan baik dan holistik bakal menatijahkan impak yang amat besar kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat dan negara.

Bersempena dengan bulan Ramadan yang diumumkan sebagai Bulan Wakaf Kebangsaan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Ramadan 1444H yang lalu, beliau menyeru semua pihak untuk sama-sama menyokong pengimarahannya berwakaf

menerusi kempen #WakafSeringgitJe yang dianjurkan oleh YWM. Turut hadir pada majlis ini adalah YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM, YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM dan YBrs. Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YWM.

**Kini bermula serendah RM1.00, anda boleh salurkan sumbangan wakaf anda ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia CIMB Islamic Bank Berhad 8602218231, melalui CIMB Clicks! atau imbas QR DuitNow di bawah,**



**-TAMAT-**

**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**5 April 2023**

---

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

- 1. Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | azia@ywm.gov.my**
- 2. Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**  
**Pegawai Media**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my**